



KENYATAAN MEDIA

UniMAP, JobHouse Latih 75 Mahasiswa

ARAU 14 Jan. – Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC) Universiti Malaysia Perlis (Unimap) dan JobHouse Sdn. Bhd. (JHSB) sedia untuk melatih 75 pelajar sebagai kumpulan pertama pada tahun ini menerusi program Kebolehanpasaran Graduan-Hi Tecs.

Pengarah CIGC Unimap, Dr. Mukhzeer Mohamad Shahimin berkata, program ini dilaksanakan pada setiap tahun supaya graduan bukan saja mahir daripada segi teknikal malah boleh berkomunikasi serta cekap dalam pengurusan yang diperlukan di dalam industri.

“Program ini sekaligus membolehkan Unimap mengintegrasikan soft skills dalam pembelajaran dan pengajaran kepada pelajar dan memberikan pendedahan realiti dunia pekerjaan yang sebenar pada peringkat awal,” katanya selepas pelancaran program Kebolehanpasaran Graduan Hi Tecs di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra di Kampus Tetap Pauh Putra dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) JHSB, Sam Elias- Utusan Online

Dikeluarkan Oleh :

AININULNIZA MOHD YUSOF

Pegawai Perhubungan Media UniMAP